

NO. SOALAN : 220

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN

**IDRIS
(JERANTUT)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan rondaan bersama tiga negara di perairan Laut Sulu antara Malaysia, Filipina dan Indonesia sudah mula menampakkan hasilnya serta apakah tahap kesediaan aset-aset Tentera Laut Diraja Malaysia untuk meronda serta mengawal Pantai Timur Sabah yang panjang.

JAWAPAN:

Tahap kesediaan (kesiagaan) aset-aset TLDM pada ketika ini adalah amat baik dalam melaksanakan operasi maritim dan rondaan sepanjang masa di perairan Timur Sabah atau ESSZONE. Dalam hal yang sama, TLDM juga turut bekerjasama dengan semua Agensi Penguatkuasaan Maritim negara melalui pendekatan bersepada di bawah organisasi ESSCOM.

Inisiatif *Trilateral Maritime Patrol* (TMP) antara Malaysia, Indonesia dan Filipina telah dilancarkan pada 19 Jun 2017. Inisiatif ini telah diperkasakan dengan kerjasama yang erat dalam aspek rondaan terkoordinasi serta pertemuan di laut bagi perkongsian maklumat dalam menangani ancaman di Laut Sulu. Terbaru, inisiatif *Trilateral Air Patrol* (TAP) telah dilancarkan pada 12 Oktober 2017 bagi memperkuatkan lagi rondaan di laut menerusi pemantauan udara secara bersama oleh ketiga-tiga negara.